**Untuk Siaran Segera**

**LHDNM/2020/12/31 – 109**

# LHDNM TIADA AKAUN TIK TOK

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa agensi ini tidak mempunyai akaun tik tok seperti yang tular dalam media sosial beberapa hari ini.



**Oh My Media**
14 hrs •

Tgh syok2 tayang kemewahan kat TikTok, tiba2 LHDN boleh join komen. Ngeri weh!

9.1K 909 Comments

Like Comment Share






Buat masa ini, bagi memudahkan komunikasi dengan orang ramai, LHDNM hanya mempunyai akaun rasmi media sosial seperti berikut:

i. Portal Rasmi : www.hasil.gov.my
ii. Facebook : facebook.com/LHDNM
iii. Twitter : @LHDNMofficial
iv. Instagram : LHDNM
v. Youtube : LhdnTube

Sehubungan itu, bagi mengelakkan identiti LHDNM terus disalahgunakan, satu laporan polis telah dibuat dan akan disusuli pula dengan laporan rasmi kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam waktu terdekat. LHDNM turut ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab dalam setiap penyiaran (posting) di media sosial.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan perkara ini boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
b) HASiL Live Chat; dan
c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

strive beyond boundaries

**Dikeluarkan Oleh:**
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 🖷 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

**Tarikh: 31 Disember 2020**